

KESALAHAN-KESALAHAN DALAM PERCETAKAN MUSHAF AL-QURAN DI MALAYSIA

ERRORS IN PRINTING OF AL-QURAN IN MALAYSIA

Mohd Hasbie al-Shiddieque Ahmadⁱ & Khairul Anuar Mohamadⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Felo Siswazah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. alshiddieque@yahoo.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. khairul@usim.edu.my

Abstrak

Di Malaysia, mushaf al-Quran yang menggunakan kaedah penulisan rasm °Uthmaniyy telah diperkasakan menerusi pendekatan dan pendedahan yang dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri. Namun begitu, terdapat segelintir pengusaha percetakan Mushaf al-Quran tidak bertanggungjawab menjalankan aktiviti percetakan mushaf al-Quran dengan menyalahi Akta Percetakan Teks al-Quran 1986. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti kesalahan-kesalahan dalam percetakan mushaf al-Quran di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual dan analisis data sebagai instrumen kajian. Hasil kajian mendapati, terdapat beberapa kesalahan percetakan al-Quran seperti tiada kelulusan dan meniplak kelulusan kementerian, mushaf al-quran terjemahan tanpa teks arab, penulisan al-quran tidak mengikut kaedah rasm °Uthmaniyy dan kesalahan pada terjemahan teks al-Quran yang menyalahi Akta Percetakan Teks al-Quran 1986.

Kata kunci: Al-Quran, teks, rasm °Uthmaniyy, akta, percetakan.

Abstract

In Malaysia, the use of Al-Quran of Uthmani's script has been empowered through the approach and exposure initiatives by Ministry of Home Affairs. However, there are certain irresponsible al-Quran printing companies which ignored and abused the act of Printing of Quranic Text Act 1986. This study aims to identify errors in printing manuscripts of the Quran in Malaysia. It uses qualitative methods through interviews and data analysis instrument. The study found that there are some Quran printing errors such as no approval from the ministry, translation of Al-Quran without Arabic text, Quran writing not in accordance with rule of Uthmani's script and translation errors in the text of the Quran are in contravention of the Printing of Quranic Text Act 1986.

Keywords: Al-Quran, text, Uthmani's script, act, printing.

PENDAHULUAN

Rasm °Uthmaniyy merupakan salah satu usaha yang diperkenalkan Sayyidina °Uthman bin °Affan ra dalam menjaga kemaslahatan masyarakat Islam pada zamannya. Hal ini kerana zaman Sayyidina °Uthman merupakan zaman pemansuhan dan perelok al-Quran. Sepertimana yang telah disepakati oleh al-Haris al-Muhasabiyy, al-Baqilaniyy, al-Bayhaqiyy, dan Ibn Rajab al-Hanbaliyy berdasarkan dalil yang mengatakan bahawa sesungguhnya °Uthman bin °Affan ra disuruh untuk memansuhkan mushaf yang telah dikumpulkan oleh Abu Bakr ra kepada mushaf yang tertakluk kepada *al-Urdat al-Akhirah* dan satu wajah bacaan qiraaat daripada tujuh huruf (*al-Ahruf al-Sab'ah*). Hal ini disokong oleh al-Zarkasyiyy berdalilkan kepada athar yang diriwayatkan oleh Zayd bin Thabit (al-Ghanam, 2002).

Mushaf yang diperkenalkan oleh °Uthman bin °Affan ra merupakan mushaf yang disepakati oleh para sahabat ra lebih 12 ribu orang. Manakala pendapat ini disokong oleh

generasi tabiin dan para imam yang muktabar seperti al-Shafi^ciy, Malik, Ahmad, Abu Hanifah, Abu Qasim al-Junayd dan lain-lain (Daud Ismail & Asyraf Ab. Rahman, 2007).

Rasm °Uthmaniyy boleh didefinisikan sebagai penulisan al-Quran mengikut kaedah tertentu seperti penambahan huruf, pembuangan huruf, penggantian huruf, penyambungan atau pemisahan huruf dan penetapan huruf *Hamzah* (2007). Kaedah *rasm °Uthmaniyy* disandarkan kepada °Uthman bin °Affan ra kerana kesepakatan beliau terhadap *rasm* tersebut (al-Zarqaniyy, 2001). Ulama telah menetapkan bahawa kaedah ini diamalkan oleh para sahabat ra yang disandarkan kepada pengakuan Rasulullah saw terhadapnya (Sha^cban, 2012). Ia juga dikenali sebagai *rasm istilahiy*.

Manakala *rasm imla'iy* merupakan penulisan pada lafaz huruf *al-hija'* dengan kadar kaedah permulaan bacaan dan pengakhiran (*al-waqf*) bacaan tersebut (al-Dabba^c, 1999) dan ia juga merupakan penulisan mengikut kelaziman pengucapan atau pertuturan (Panduan Rasm Uthmani, 2007).

PERKEMBANGAN MUSHAF AL-QURAN DI MALAYSIA

Pada peringkat awal kedatangan Islam, pengajian al-Quran dalam masyarakat umat Islam Malaysia menggunakan kaedah yang diamalkan oleh para sahabat ra iaitu secara lisan sahaja tanpa mushaf tertentu. Kaedah pembelajarannya secara *talaqqiy* dan *mushafahah*. Secara tepatnya para pelajar mendengar dan mengikuti bacaan guru sehingga bacaan tersebut dapat dibaca dan dihafal dengan sempurna (Daud Ismail & Asyraf Ab. Rahman, 2007). Kemudian pengajian al-Quran dipermudahkan dengan adanya mushaf sebagai rujukan umat Islam Malaysia. Mushaf yang digunapakai adalah mengikut kaedah *rasm imla'iy* sepertimana yang telah dijelaskan oleh Engku Alwi bin Ambak (Daud Ismail & Asyraf Ab. Rahman, 2007).

Seterusnya pada era 70-an umat Islam Malaysia menggunakan mushaf yang menggunakan kaedah *rasm imla'iy* sebagai panduan. Secara tidak langsung umat Islam Malaysia mempelajari al-Quran melalui kaedah *rasm imla'iy*. Mushaf yang digunapakai sebagai rujukan dikenali sebagai mushaf *al-Quran al-Majid* (Mustafa, 2012).

Pada peringkat ini, tahap kesedaran umat Islam terhadap penggunaan mushaf *rasm °Uthmaniyy* masih amat menyedihkan. Tambahan pula umat Islam tidak sedar akan kepentingan menggunakan *rasm °Uthmaniyy*. Hal ini dijelaskan oleh En. Azhari Othman¹, Timbalan Pengurus Lajnah Tashih al-Quran:

"Masa kita orang Malaysia (umat Islam Malaysia) ini memakai al-Quran rasm imla'iy. Pada masa itu orang (umat Islam Malaysia) tidak sedar, orang (umat Islam Malaysia) tidak sedar. Pada sama (ketika) itu lah paling banyak kesalahannya. Dari segi hamzah wasal tidak tepat tanda, hamzah qata^c tiada tepat tanda, patut ditulisnya tiada alif, hazaf alif, dibuang alif, ditambah alif".

Hal ini boleh disimpulkan bahawa pendekatan dan pelaksanaan mushaf al-Quran *rasm °Uthmaniyy* timbul dengan adanya kesedaran dan pendedahan terhadap kepentingan mempelajari al-Quran dengan menggunakan *rasm °Uthmaniyy*.

¹ Azhari Othman. Temuramah pada 14 september 2014. Beliau mula berkhidmat di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada Mac 1990 yang ketika itu dikenali sebagai Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (BAHEIS). Dengan kepakaran yang ada, beliau dianamahkan untuk menjadi pensyarah di Darul Quran dan seterusnya menjadi pensyarah kanan pada 2002. Kini beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pengajian al-Quran dan Pensyarah di Darul Quran (JAKIM). Selain itu, beliau juga merupakan ahli Lajnah Tashih al-Quran Kementerian Dalam Negeri pada tahun 1992 dan pernah memaninkan peranan sebagai pengerusi Lajnah Tashih al-Quran pada tahun 1994 hingga 2002. Kini beliau adalah timbalan pengerusi di bawah kepimpinan Datuk Syaikh Haji Mohammad Nor Mansor al-Hafiz yang juga mantan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIP).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian terhadap sikap segelintir pengusaha percetakan mushaf al-Quran yang menjalankan aktiviti percetakan Mushaf al-Quran yang menyalahi Akta Percetakan Teks al-Quran 1986. Kesalahan tersebut telah direkodkan berdasarkan kepada aduan orang awam. Kajian ini menfokuskan kepada kesalahan pada Syeksyen 6 Pengemukakan Pruf Akhir atau Salinan Asal Teks al-Quran Kepada Lembaga dan Syeksyen 14 (1) Percetakan Teks al-Quran atau Bahan al-Quran atau Bahan al-Quran yang Mengandungi Kesilapan. Ia menggambarkan sikap sesetengah pengusaha percetakan Mushaf al-Quran di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual dan analisis data sebagai instrumen kajian. Temubual telah dijalankan bersama dua orang yang terlibat dalam penerbitan dan percetakan al-Quran di Malaysia iaitu En. Azhari Othman, Timbalan Pengurus Lajnah Tashih al-Quran dan Puan Hashimah binti Nik Jaafar, Setiausaha Bahagian Penerbitan dan Kawalan Teks al-Quran, Kementerian Dalam Negeri.

Manakala bagi analisis data, penulis telah memohon kebenaran untuk menjalankan kajian di Unit Kawalan Teks al-Quran, Kementerian Dalam Negeri. Seterusnya penulis menganalisis data aduan kesalahan dalam penerbitan mushaf al-Quran di Malaysia dan mengklasifikasikan kesalahan tersebut mengikut Akta Percetakan Teks al-Quran 1986.

DAPATAN KAJIAN

Selepas diteliti rekod aduan mengenai kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan teks al-Quran dan kesalahan semasa proses penjilidan, penulis mendapati terdapat juga kesalahan pada terjemahan teks al-Quran, tiada kelulusan dan meniplak kelulusan kementerian, dan sebagainya. Kesalahan tersebut boleh diperincikan seperti berikut:

Tiada Kelulusan dan Menciaplak Kelulusan Kementerian

Terdapat beberapa syarikat yang tidak bertanggungjawab dengan menjalankan aktiviti penerbitan mushaf al-Quran tanpa mendapat kelulusan atau meniplak kelulusan yang telah diperakui oleh kementerian. Hal ini menunjukkan bahawa masih terdapat golongan yang mengambil kesempatan dalam menjalankan aktiviti penerbitan dan percetakan teks al-Quran semata-mata untuk mendapat keuntungan.

Persoalan ini diajukan oleh pengkaji kepada Puan Hashimah binti Nik Jaafar², Setiausaha Bahagian Penerbitan dan Kawalan Teks al-Quran mengenai aktiviti percetakan teks al-Quran dan penyalahgunaan kelulusan pruf akhir teks al-Quran. Berikut adalah respon beliau mengenai persoalan berikut:

“Itulah banyak pencetak itu tidak mencetak al-Quran yang telah diluluskan pruf akhir sebab kebanyakan tuan punya mencetak kat luar (menjalankan percetakan di luar negara). Itu sebab yang saya kata tajuk you (kamu) sendiri saya tidak tahu la. Sebab you (kamu) kira you (kamu) relate (hubung) dalam negara. Kalau ini pun Zafar (Percetakan Zafar Sdn Bhd) jela. Ha zafar je. Pencetak Zafar je banyak yang mencetak (dengan yakin). Macam pencetak lain banyak mencetak Yasin (Surah Yasin) gitu jer. (bahan-bahan al-Quran – pengkaji mencelah) bahan al-Quran bukan teks al-Quran atau pun buku-buku agama yang turut mengandungi bahan al-Quran. Mungkin ada la satu dua saya tak tahu. Tak banyak. Sebab kalau pencetak kat sini dia dah ada panel tapi banyak aduan yang kita di terima yang salah itu sebenarnya yang banyaknya dicetak diluar. Ha yang dicetak kat sini adala satu dua kadang-kadang dia guna pencetak yang tidak ada

² Pn. Hashimah binti Nik Jaafar. Setiausaha Bahagian Penerbitan dan Kawalan Teks al-Quran. *Temubual*. 28 ogos 2014.

lesen. Macam dulu Yayasan Restu pernah ada masalah ok. Bila kita check (semak) dia menggunakan satu pencetak yang belum lagi mempunyai lesen pencetak al-Quran”.

Antara kesalahan-kesalahan adalah seperti berikut:

a. Kesalahan Tiada Kelulusan Prof Akhir Teks Al-Quran

- i. Mushaf al-Quran (tafsir al-Quran 1-30 juzu’) yang diterbitkan oleh Syarikat Perniagaan Jahabarsha Sdn Bhd yang tidak mempunyai kelulusan prof akhir selain daripada kesalahan dan ketidak sempurnaan ayat dalam mushaf al-Quran. Kesalahan ini telah direkodkan pada Ogos 2010. Pihak kementerian telah memaklumkan kepada pihak syarikat mengenai aktiviti percetakan yang melanggar Akta Percetakan Teks al-Quran 1986. Tindakan yang sewajarnya akan diambil sekiranya pihak syarikat tidak bertanggungjawab terhadap aktiviti penerbitan tersebut.

Sementara itu, pihak syarikat telah memberi maklum balas dengan memaklumkan kepada pihak kementerian bahawa permohonan kelulusan prof akhir dalam proses. Manakala kesalahan yang terdapat pada teks al-Quran merupakan mushaf al-Quran cetakan pertama yang mana mushaf tersebut telah habis dijual. Hal ini menunjukkan bahawa pihak syarikat telah menjual mushaf al-Quran cetakan pertama tanpa kelulusan daripada kementerian.


- ii. Mushaf al-Quran terbitan Syarikat Rainbow Qalam Malaysia Sdn. Bhd. juga tidak mempunyai kelulusan prof akhir. Kesalahan tersebut telah direkodkan pada April 2013. Di samping itu, pihak kementerian telah memaklumkan kepada pihak syarikat mengenai kesalahan mengenai aktiviti percetakan yang melanggar Akta Percetakan Teks al-Quran 1986. Tidakan tegas akan diambil sekiranya pihak syarikat tidak bertanggungjawab terhadap aktiviti penerbitan tersebut.
- iii. Mushaf al-Quran yang diterbitkan oleh Syarikat Media Fitrah Rabbani Sdn. Bhd. yang tidak mempunyai kelulusan prof akhir daripada pihak kementerian. Berdasarkan kepada rekod aduan, pihak syarikat mengimport mushaf al-Quran tersebut daripada negara Indonesia.

Kesalahan tersebut telah direkodkan pada Julai 2013. Di samping itu, pihak kementerian telah memaklumkan kepada pihak syarikat mengenai kesalahan mengenai aktiviti percetakan yang melanggar Akta Percetakan Teks al-Quran 1986. Tidakan yang sewajarnya akan diambil sekiranya pihak syarikat tidak bertanggungjawab terhadap aktiviti penerbitan tersebut.

b. Menciplak Kelulusan Prof Akhir

- i. Mushaf al-Quran (Tafsir Pimpinan ar-Rahman) terbitan Syarikat Darul Fikir Sdn. Bhd. nombor kelulusan LTQ.KDN.Q.913(23)92 yang mempunyai kesalahan pada teks al-Quran. Menurut rekod aduan, aduan tersebut telah direkodkan pada Januari 2011. Pihak kementerian telah maklumkan kepada pihak syarikat mengenai kesalahan tersebut supaya pihak syarikat bertanggungjawab terhadap penerbitannya. Kesalahan tersebut adalah seperti rajah 1 di bawah.

Rajah 1



Rajah 1 menunjukkan bahawa terdapat penambahan ayat antara ayat 12 dan 13 surah *al-Fatir*. Ayat yang dimaksudkan ialah ayat 22 daripada surah *Ghafir*. Jika diteliti, kesalahan tersebut hanya berlaku dari sudut teks al-Quran sahaja. Manakala tiada sebarang penambahan dari sudut terjemahan teks al-Quran.

Setelah itu, pihak kementerian telah menerima maklum balas daripada pihak syarikat mengenai aduan tersebut dan memaklumkan bahawa mushaf al-Quran (Tafsir Pimpinan ar-Rahman) terbitan syarikatnya telah diciplak oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, pihak syarikat melampirkan salinan teks al-Quran yang tulen sebagai rujukan.

- ii. Mushaf al-Quran digital terbitan Syarikat Muslim Digital Enterprise nombor kelulusan KDN:PQ/Q.1001/2.2/QC/499/83/2012 juga mempunyai masalah yang berkaitan dengan ciplak kelulusan prof akhir teks al-Quran. Aduan ini telah direkodkan pada Mac 2013.

Setelah diteliti aduan tersebut, pihak kerajaan menyarankan kepada pengadu supaya memulangkan semula mushaf al-Quran digital tersebut kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.

Mushaf Al-Quran Terjemahan Tanpa Teks Arab


Terdapat juga penerbit yang menerbitkan mushaf al-Quran terjemahan tanpa teks arab (teks al-Quran). Penerbit yang dimaksudkan ialah Syarikat Knowledge Inbound Sdn. Bhd. dan pihak kementerian tidak pernah sama sekali memberi kelulusan kepada mana-mana syarikat yang ingin menerbitkan mushaf al-Quran terjemahan tanpa teks arab (teks al-Quran) kerana ia menyalahi Akta Percetakan Teks al-Quran 1986. Aduan ini telah direkodkan pada September 2013 dan ulangan pada April 2014. Oleh itu, pihak kementerian telah memaklumkan kepada pihak syarikat supaya tidak menerbitkan mushaf al-Quran yang menyalahi Akta Percetakan Teks al-Quran 1986.

Penulisan Al-Quran Tidak Mengikut Kaedah *Rasm* °Uthmaniyy

- i. Terdapat simbol kotak dan jarak antara kalimah ayat al-Quran. Mushaf yang dimaksudkan adalah mushaf al-Quran (Tajwid) terbitan Syarikat Darul Fikir Sdn. Bhd. nombor kelulusan PQ/Q.1001/2.2/Q/109/2005 dan PQ/Q.1001/2.2/109/2005. Mengikut rekod aduan,

kesalahan tersebut direkodkan pada Januari 2011. Di samping itu, pihak kementerian telah memaklumkan kepada pihak syarikat berkaitan masalah tersebut. Kesalahan tersebut adalah seperti rajah 2.

Rajah 2



Rajah 2 menunjukkan contoh ayat yang mempunyai simbol kotak dan jarak antara kalimah ayat al-Quran. Jika diperhatikan dalam Rajah 2, menunjukkan simbol kotak pada kalimah *وَأَعْلَىٰ* dan berlaku jarak antara kalimah *وَأَعْلَىٰ* dengan *أَنْصَرِهِمْ غَشْوَةً*.

Setelah itu, pihak kementerian menerima maklum balas daripada pihak syarikat dan menjelaskan keadaan sebenar mengenai mushaf al-Quran yang mempunyai kesalahan pada simbol kotak dan jarak. Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh pihak syarikat, terdapat salah faham antara syarikat penerbit dengan syarikat pencetak. Pihak syarikat menjalankan proses percetakan mushaf al-Quran di luar negara. Manakala mushaf al-Quran versi kotak merupakan kesalahan yang berpunca daripada pihak pencetak.

- ii. Buku kecil (booklet) surah Yasin terbitan Syarikat Perniagaan Jahabarsha Sdn. Bhd. didapati menggunakan *rasm imla'iyy*. Kesalahan ini direkodkan pada April 2011. Manakala pihak kementerian telah memaklumkan kepada pihak syarikat supaya bertanggungjawab terhadap terbitannya. Kesalahan adalah seperti di rajah 3.

Rajah 3



Rajah 3 menunjukkan bahawa teks al-Quran yang dicetak menggunakan kaedah *rasm imla'iyy* yang mana penggunaan *rasm imla'iyy* tidak dibenarkan. Hal ini bertepatan dengan keputusan fatwa kebangsaan yang bersidang pada 25 Mac 1990 mengatakan bahawa jawatankuasa berpendapat adalah wajib ditulis dalam al-Quran dengan *rasm Uthmaniyy* berdasarkan ijmak *sahabah* kecuali bagi maksud pengajaran untuk menyenangkan para pelajar (<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/penulisan-ayat-ayat-al-quran-dengan-huruf-roman-dan-latin-2>).

Kesalahan Pada Terjemahan Teks Al-Quran

Berdasarkan kepada rekod aduan, terdapat beberapa kesalahan pada terjemahan teks al-Quran yang akan memberi kesan secara tidak langsung kepada pembaca. Kesan ini terutamanya kepada mereka yang dalam proses memahami maksud ayat al-Quran. Kesalahan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Mushaf al-Quran terjemahan terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) nombor kelulusan PQ/Q.1001/1.2/Q/219/2009, PQ/Q.1001/1.2/Q/240/2009, PQ/Q.1001/1.2/QA/303/48/2010, dan PQ/Q.1001/1.2/QA/296/41/2010. Kesalahan ini direkodkan pada Mac 2011.

Seterusnya pihak kementerian telah memaklumkan kepada pihak penerbit (JAKIM) supaya bertanggungjawab ke atas setiap penerbitan.

Kesalahan yang dimaksudkan ialah terjemahan yang tidak sempurna pada ayat 37 surah *al-A'raf*. Terjemahan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:


“orang yang berdusta terhadap Allah atau yang mendustakan ayat-ayat-Nya. Orang-orang itu akan”.

Penterjemahan ayat yang betul adalah seperti berikut:

“Maka tidak ada yang lebih zalim daripada orang yang berdusta terhadap Allah atau yang mendustakan ayat-ayat-Nya. Orang-orang itu akan mendapat bahagian mereka (di dunia) daripada apa yang telah tersurat (bagi mereka), hingga apabila datang utusan-utusan Kami (malaikat) yang mengambil nyawa mereka, bertanya Malaikat itu (kepada mereka): “manakah (makhluk-makhluk dan benda-benda yang kamu sembah selain Allah?” Mereka menjawab: “semua itu telah lenyap dan hilang daripada kami”, dan mereka pula menjadi saksi terhadap diri mereka sendiri, bahawa mereka adalah orang-orang yang ingkar”.³

- ii. Mushaf al-Quran dan terjemahan perkata terbitan Syarikat Magfirah Pustaka al-Madani Enterprise nombor kelulusan PQ/Q.1001/2.2/QA/294/39/2010 juga mempunyai kesalahan pada terjemahan. Kesalahan ini direkodkan pada Januari 2012. Pihak kementerian telah memaklumkan kepada pihak syarikat supaya bertanggungjawab terhadap setiap aktiviti percetakan yang dijalankan. Kesalahan tersebut adalah seperti Rajah 4.

Rajah 4



Rajah 4 menunjukkan bahawa terdapat pengulangan terjemahan pada ayat 27 surah Ali 'Imran. Pengulangan terjemahan yang dimaksudkan adalah pada perkataan *“daripada yang mati dan Engkau keluarkan yang mati daripada yang hidup. Engkau berikan*

³ Tafsir Pimpinan ar-Rahman. 2001.

rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, tanpa hitungan hisab". Pengulangan terjemahan ini berlaku pada akhir terjemahan.

RUMUSAN

Rumusan kekerapan kesalahan yang direkodkan menunjukkan bahawa kesalahan tiada kelulusan dan menciplak kelulusan kementerian adalah yang tertinggi direkodkan iaitu sebanyak 5 aduan (50%). Manakala kesalahan penulisan tidak mengikut kaedah *rasm °Uthmaniyy* dan kesalahan pada terjemahan teks al-Quran mencatatkan nilai kekerapan yang sama iaitu 2 (20%) aduan. Di samping itu, nilai kekerapan bagi kesalahan mushaf al-Quran tanpa teks arab merupakan yang paling rendah iaitu 1 (10%) aduan. Hal ini berdasarkan kepada jadual 1 di bawah.

Jadual 1

No.	Bentuk kesalahan	Kekerapan	Peratusan
1.	Kesalahan tiada kelulusan dan menciplak kelulusan kementerian	5	50
2.	Penulisan tidak mengikut kaedah <i>rasm °Uthmaniyy</i>	2	20
3.	Kesalahan pada terjemahan teks al-Quran	2	20
4.	Kesalahan mushaf al-Quran tanpa teks arab	1	10
	Total	10	100

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada rumusan di atas, ini dapat disimpulkan bahawa masih terdapat pengusaha percetakan mushaf al-Quran tidak mengemukakan permohonan perakuan prof akhir kepada pihak kementerian. Paling menyedihkan lagi jika pihak pengusaha menganggap kelulusan prof akhir hanya menyukarkan dan melambatkan proses jualan. Selain itu, terdapat juga segelintir pengusaha cuba memalsukan kelulusan atau menciplak kelulusan pengusaha lain semata-mata untuk mengaut keuntungan.

Penulisan menggunakan kaedah *rasm imla'iy* di Malaysia telah dilarang untuk sebarang penerbitan. Namun masih terdapat pengusaha menggunakan *rasm imla'iy* dalam percetakan. Hal ini boleh membantut usaha kerajaan dalam memperkasakan penulisan mengikut kaedah *rasm °Uthmaniyy* yang telah disepakati sebilangan besar ulama.

Selain itu, kelemahan pihak pengusaha dalam penterjemahan al-Quran menyebabkan berlakunya kesalahan pada teks terjemahan. Hal ini boleh mengelirukan masyarakat Islam Malaysia yang mana kebanyakannya merujuk kepada terjemahan teks menggunakan bahasa Melayu. Namun terdapat juga sesetengah pengusaha menerbit terjemahan teks al-Quran tanpa teks asal al-Quran. Ini menunjukkan bahawa pengusaha percetakan mushaf al-Quran cuba membuat pembaharuan dalam perkembangan Mushaf al-Quran.

RUJUKAN

Buku

- Daud Ismail & Asyraf Ab. Rahman. 2013. *Sejarah dan Perkembangan Mushaf Uthmani di Malaysia*. Universiti Malaysia Terengganu.
- al-Dabba^c, Ali Muhammad al-Dabba^c. Muhammad Ali Khalaf al-Husayniyy. 1999. *Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabti al-Kitab al-Mubin*. Maktabah al-Azhar li Turath.
- al-Ghanam, Ghanam bin Abdullah & al-Badriyy, Adrul bin Nasir. 1429. *Tarjih al-Zarkashiyy Fi ^cUlum al-Qur'an ^cArdan wa Dirasah*. Al-Riyad: Dar Kunuz Isybiliyan.
- Mustafa, Ahmad Farid Fadhli. 2012. *Tanda Waqf Dlam al-Quran al-Karim. Analisis Surah al-Kahfi Berdasarkan Rasm Uthmani*. Disertasi Master. (Universiti Malaya).
- Panduan Rasm Uthmani. 2007. Kementerian Dalam Negeri. Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).
- Sha^cban Muhammad Ismail. 2012. *Rasm al-Mushaf wa Dabtuhi Bayna at-Tawqif Wa Ishtilihat al-Hadith*. Al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Tafsir Pimpinan ar-Rahman. 2001.
- al-Zarqaniyy Muhammad ^cAbd al-^cAzim. 2001. *Manahil al-^cIrfan Fi ^cUlum al-Qur'an*. T.tp: t.pt.

Temubual

- Azhari Othman. Timbalan Pengerusi Lajnah Tashih al-Quran. 14 September 2014.
- Hashimah Nik Jaafar. Setiausaha Bahagian Penerbitan dan Kawalan Teks al-Quran. 28 Ogos 2014.

Internet

- Penulisan Ayat-Ayat Al-Quran Dengan Huruf Roman Dan Latin. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/penulisan-ayat-ayat-al-quran-dengan-huruf-roman-dan-latin-2> (diakses pada 3 September 2014).